

10/10/1998

Y2K: Peruntukan sektor awam mungkin ditambah

Shamshul Azree Samshir

KUALA LUMPUR, Jumaat - Kerajaan bersetuju mempertimbangkan peruntukan tambahan kepada sektor awam yang memerlukan bantuan dalam usaha mengatasi ancaman masalah komputer Tahun 2000 (Y2K).

Ketua Pasukan Petugas Y2K Kebangsaan, Datuk Nuraizah Abdul Hamid, berkata peruntukan tambahan perlu diberi kepada beberapa agensi kerajaan yang dikenal pasti memerlukan lebih banyak bantuan kewangan bagi menyelesaikan masalah Y2K.

"Sehubungan itu, Unit Pemodenan Tadbiran Malaysia (Mampu) akan menghubungi agensi terbabit untuk menyelaraskan jumlah sebenar peruntukan tambahan yang diperlukan.

"Kita akan mengemukakan jumlah itu kepada kerajaan sedikit masa lagi. Ketika ini kita belum mendapat jumlah yang tepat," katanya pada sidang akhbar di pejabatnya di sini hari ini. Sebelum ini, kerajaan memperuntukkan RM30 juta kepada sektor awam yang dikenalpasti sebagai sektor kritikal kepada ekonomi dan kesejahteraan rakyat, untuk menangani masalah Y2K.

Masalah Y2K ialah ketidakupayaan komputer mengenali tarikh 1 Januari 2000 yang boleh mengakibatkan kerosakan data yang disimpan di dalam pangkalan berkenaan.

Nuraizah berkata, antara sektor yang terbabit dengan peruntukan tambahan itu ialah sektor pengangkutan dan kemudahan asas seperti hospital.

Ditanya mengenai perkembangan yang dicapai oleh agensi dalam sembilan sektor kritikal menangani Y2K, Nuraizah berkata sebahagian daripadanya menghampiri tahap penyelesaian dan kini berada di peringkat menguji.

Bagaimanapun, katanya, ada juga agensi yang masih berada di peringkat mencari penyelesaian yang sesuai.

Beliau berkata, laporan terperinci berhubung perkara itu akan diserahkan kepada kerajaan akhir bulan depan.

Nuraizah berkata, semua agensi kerajaan yang menghadapi ancaman Y2K kritikal dijangka memulihkan sistem komputer masing-masing menjelang September tahun depan.

Menurutnya, sebahagian agensi kerajaan yang kritikal dijangka menyiapkan program pemulihan dalaman masing-masing pada Jun atau Julai tahun depan.

"Daripada maklum balas yang diterima, sebahagian besar agensi kritikal akan mencapai matlamat mereka pada Jun atau Julai 1999, tetapi ada juga agensi yang sedikit lewat dan hanya akan siap pada September tahun depan.

"Ada kemungkinan, jika menyentuh 100 peratus pematuhan Y2K, agensi berkenaan lebih bertumpu kepada sistem paling kritikal. Misalnya sistem bebas yang tidak menjejaskan sekuriti boleh diketepikan dulu.

"Saya rasa ini perlu dibuat dan satu tindakan logik kerana kita kesuntukan masa dengan tahun 2000 semakin hampir."

Terdahulu, Nuraizah, yang juga Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos berkata kementerian itu akan menganjurkan ekspo antarabangsa berhubung masalah Y2K pada 3 hingga 6 November ini.

'Y2K Solutions Expo' yang dianggap terbesar di rantau ini dibuat secara bersama pameran Asean Telecom '98 dan dijangka mempamerkan langkah penyelesaian masalah itu daripada 30 peserta.

Pameran itu dijangka dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

(END)